

BANYAK manfaat diperoleh menerusi bertadarus termasuk meningkatkan kemahiran dalam pembacaan al-Quran.

Nilai murni sepanjang puasa

Program Ihya Ramadan USIM galak mahasiswa hayati al-Quran

“Apabila bibir sentiasa dibasahi bacaan al-Quran, ia menjadi sebat dalam jiwa mahasiswa sekali gus memberi kesan kepada keterampilan diri, peribadi dan perwatakan”

Mohamad Sahril A Rahim
Mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah, USIM

"Saya perhatikan, jumlah mahasiswa turun bertadarus juga semakin bertambah dan ia petanda baik menyemarakkan penggunaan al-Quran," katanya.

Bagi mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah, Mohamad Sahril A Rahim, mahasiswa sebaiknya menjadikan al-Quran sebagai bahan bacaan wajib harian seperti surat khabar, majalah, buku dan

sebagainya.

"Apatah lagi pada bulan puasa, al-Quran perantara terbaik bagi mendekatkan kita kepada Allah dan penggunaannya wajar dibudayakan menerusi aktiviti bertadarus.

"Apabila bibir sentiasa dibasahi bacaan al-Quran, ia menjadi sebat dalam jiwa mahasiswa sekali gus memberi kesan kepada keterampilan diri, peribadi dan

perwatakan," katanya.

Selain bertadarus, katanya, program Ihya Ramadan USIM turut diisi dengan forum Ramadan, pertandingan hafazan al-Quran, kuliah agama dan qariah Speakers Corner.

Katanya, menarik mengenai qariah Speakers Corner ialah mahasiswa berpeluang berkongsi dan mengetengahkan idea serta pendapat mengenai apa saja isu bersesuaian Ramadan.

kedatangan Ramadan.

Naib Presiden MPP 1 USIM, Abdullah Long, berkata aktiviti bertadarus biasanya diadakan setiap hari bermula jam 6 petang sehingga waktu berbuka dan ia mendapat sambutan baik di kalangan mahasiswa.

Katanya, kelebihan bertadarus bukan saja meningkatkan kefahaman mahasiswa berkaitan ilmu pembacaan al-Quran, malah dapat belajar membaca al-Quran dengan baik khususnya dalam aspek sebutan huruf dan ilmu tajwid yang tepat.

"Bagi mahasiswa USIM, membaca al-Quran bukanlah sesuatu yang sukar kerana ia turut menjadi sebahagian keperluan dalam pembelajaran di dalam bilik kuliah. Dengan tambahan aktiviti bertadarus, ia secara tidak langsung meningkatkan lagi penguasaan dan kemahiran dalam pembacaan al-Quran di luar waktu pembelajaran.



AMALAN bertadarus turut disemarakkan mahasiswa USIM di sekitar kampus dan kolej kediaman.

Oleh Khairina Yasin
bhvarsiti@bharian.com.my

AMALAN baik dilakukan sepanjang Ramadan termasuk membaca al-Quran atau bertadarus kini bukan saja menghiasi masjid dan surau sekitar kampung atau taman perumahan, malah kampus universiti juga tidak ketinggalan mengimarahkan amalan berkenaan.

Selain meningkatkan penghayatan mahasiswa terhadap al-Quran, aktiviti bertadarus yang dilaksanakan sekitar surau kolej kediaman dan fakulti turut mengemerkat semangat ukhuwah di kalangan mahasiswa.

Di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), bertadarus adalah sebahagian aktiviti rutin dalam Program Ihya Ramadan yang dianjurkan kebanyakan fakulti menerusi Persatuan Mahasiswa Fakulti selain Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) setiap kali